



MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

1. (a) SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG JURUUKUR BAHAN
- (b) KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
- (c) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN
- (d) GRED : JA29

2. JADUAL GAJI

	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
	RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00

3. SYARAT LANTIKAN

- 3.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00); atau
 - (ii) Diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).

- 4. SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**
- 4.1** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 5. TARAF JAWATAN**
- 5.1 KONTRAK**



MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

1. (a) SKIM PERKHIDMATAN : PEMBANTU PENGUAT KUASA
(b) KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
(c) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
(d) GRED : KP19
2. JADUAL GAJI :

	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
	RM1,360.00	RM4,052.00	RM100.00
3. SYARAT LANTIKAN 3.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
(ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,416.40); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,472.80)

dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut :-

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 4.1** Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(iii) atau 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. TARAF JAWATAN

5.1 KONTRAK

CARA-CARA PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati secara **percuma** di **Bahagian Sumber Manusia, Majlis Perbandaran Pontian** atau boleh dimuat turun di laman web: <http://www.mppn.gov.my>
2. Permohonan dari **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun **mestilah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan** mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini;
3. **Borang permohonan hendaklah ditampal dengan sekeping gambar berukuran passport** dan disertakan dokumen-dokumen berikut **yang telah diakui sah**:-
 - 1.1 Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
 - 1.2 Salinan Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR);
 - 1.3 Salinan transkrip pengajian;
 - 1.4 Salinan sijil Diploma/Ijazah
Salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>
(Sijil /Diploma/Ijazah);
 - 1.5 Salinan sijil/dokumen akademik dan lain-lain yang berkaitan;
 - 1.6 Salinan Lesen Kelas Memandu;
 - 1.7 Salinan Kad Pengenalan;
 - 1.8 Salinan Sijil Kelahiran ; dan
 - 1.9 Gambar berukuran pasport terbaru.
4. Pemohon bagi jawatan **Penolong Juruukur Bahan Gred JA29** hendaklah disertakan dengan “video resume” sebagaimana berikut :-
 - i. Berdurasi tidak lebih dari 3 minit
 - ii. Menggunakan suara pemohon sebenar
 - iii. Kandungan video hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti di bawah :
 - Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon
 - Ringkasan pengalaman kerja pemohon
 - Pekerjaan / aktiviti terakhir atau semasa pemohon
 - Ringkasan pencapaian / anugerah tertinggi pemohon
 - Ringkasan hobi dan kegiatan luar pemohon
 - Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau ‘NGO’
 - Ringkasan kelebihan / kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon
 - Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon

- Ringkasan kelemahan / kekurangan pemohon
 - iv. Pemohon digalakkan menghasilkan ‘video resume’ yang unik dan kreatif.
 - v. Semua ‘video resume’ hendaklah dihantar melalui email kepada urusetia di alamat sumbermanusia.mppontian21@gmail.com sila pastikan setiap video yang dihantar mempunyai nama, nombor kad pengenalan dan nama jawatan yang dipohon.
5. Borang permohonan jawatan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN
JALAN ALSAGOFT
82000 PONTIAN**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 November 2021

6. Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
7. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
8. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai **tidak berjaya**.
9. Pentadbiran Majlis Perbandaran Pontian tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

**MOHD EZZUDDIN BIN SANUSI
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pontian**